

302 penduduk terpaksa pindah

Kawasan tadahan hujan ditenggelami air hingga paras dada

KAMPUNG SUNGAI SIREH - Seramai 302 penduduk di empat kampung di sini terpaksa dipindahkan ke dua pusat pemindahan sementara berikutan air mula membanjiri kawasan penempatan mereka sejak Isnin lalu sehingga beberapa kawasan tadahan hujan ditenggelami air hingga paras dada.

Ketua Kampung Sungai Sireh, Abd Hadi Muhammad berkata, rumah penduduk di kampungnya paling banyak dilaporkan ditenggelami air diikuti penduduk di Kampung Ampangan dan Kampung Haji Razali membabitkan 63 keluarga manakala di Sawah Sempadan pula setakat ini enam keluarga sahaja.

"Sebelum kejadian, pihak pimpinan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) memantau keadaan paras air di terusan utama (*main canal*) berikutan dijangka akan melimpah berikutan pertembungan air pasang laut dan air di terusan.

"Kami bersiap sedia untuk memindahkan penduduk apabila air mula naik terutamanya di beberapa kawasan tadahan hujan yang rendah dan berbincang untuk menempatkan mereka di kawasan yang sesuai dan tidak jauh tanpa menyusahkan penduduk.

"Ini kejadian kedua selepas musibah banjir pada 1997 lalu, namun kali ini jumlah mangsa tidak begitu ramai berbanding banjir terdahulu berikutan sistem perparitan di kawasan ini kini lebih baik dan sempurna," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Sementara itu, Ketua Kampung Ampangan, Ramlan Samsure berkata, tindakan pantas JKKKP bersama pimpinan cawangan dan jabatan berkaitan berjaya menempatkan mangsa banjir di kawasan sesuai tan-



Penduduk terpaksa menggunakan sampan untuk bergerak.

pa menimbulkan situasi panik dan beberapa barang milik penduduk berjaya diselamatkan.

"Setakat ini, kebajikan penduduk dijaga baik dengan kemudahan rawatan kesihatan memandangkan ada penduduk yang terpaksa dibawa ke Hospital Tanjong Karang berikutan menghadapi asma manakala sebahagian lagi menghadapi darah tinggi, kencing manis dan demam.

"Setakat ini keadaan masih terkawal dan jika jumlah penduduk lebih ramai dari jangkaan, kita akan pindahkan mereka di kawasan penempatan banjir yang lebih luas di Sekolah Kebangsaan Sungai Sireh memandangkan Balairaya Lorong 6 Kampung Sungai Sireh ini hanya muat 22 keluarga sahaja," katanya.

Simpati nasib rakyat

AHLI Parlimen Tanjong Karang yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar terus bergegas ke Kampung Sungai Sireh untuk melihat sendiri keadaan dan kawasan penempatan

sementara penduduk kira-kira jam 9 malam kelmarin.

Semalam, beliau sekali lagi turun padang di Kampung Sungai Sireh dan Sawah Sempadan bagi melihat kawasan penempatan penduduk ditenggelami air dan membantu meringankan beban mangsa banjir melalui sumbangan segera bersama agensi berkaitan.

Noh berkata, pihaknya simpati nasib penduduk yang terpaksa berdepan banjir berkenaan.

"Saya akan pastikan keperluan mangsa banjir ini dipenuhi seperti bekalan air bersih, makanan dan kemudahan tidur di Sungai Sireh manakala menyediakan dua kipas tambahan di Surau Kuning Blok B Sawah Sempadan selepas menerima permintaan.

"Saya juga membantu beberapa penduduk yang juga petani yang mengalami kerugian akibat banjir terbabit dan bantuan segera akan diberikan," katanya yang turut melawat beberapa kawasan tanaman kelapa sawit dan rumah penduduk di Sawah Sempadan dan Jalan RB, semalam.

Noh berkata, masih ada penduduk yang masih enggan berpindah meskipun kawasan rumah mereka sudah dinaiki air namun jumlah itu tidak ramai.

Pihaknya menasihatkan penduduk terbabit supaya mengambil langkah keselamatan dan berpindah dengan kadar segera.

Mangsa banjir, Noor Azizah Muhamad Togi terharu apabila pemimpin masyarakat turun padang melihat keadaan penduduk yang terpaksa tinggal sementara di balairaya selepas rumah mereka dinaiki air sejak Isnin lalu.



NOOR AZIZAH



ABDUL SALLEH

"Meskipun masih pantang, namun saya reda dan berpindah bersama penduduk lain kerana bimbang keselamatan diri.

"Saya berharap air cepat surut kerana memikirkan keadaan diri yang kurang selesa dan tidak sabar untuk pulang ke rumah," katanya.

Bagi Abdul Salleh Busnan, dia tidak menyangka rumahnya akan dinaiki air memandangkan tiga hari sebelum itu rumahnya sudah banjir.

"Barang elektrik seperti peti ais dan mesin basuh dinaiki air.

"Jadi, sumbangan diberikan pemimpin amat dihargai meringankan beban ditanggung," katanya.

Peruntukan baiki jalan

NOH berkata, pihaknya juga meluluskan peruntukan RM200,000 membaiki jalan rosak dan menambak jalan ditenggelami air dengan ketinggian 0.9 meter bagi mengurangkan musibah banjir pada masa depan di beberapa kawasan dikenal pasti.

"Saya lihat jalan banyak rosak dan

tidak diturap sempurna menyebabkan kenderaan sukar masuk ke kawasan Jalan RB di sini.

"Sebelum ini, saya juga ada meluluskan peruntukan membaiki dan menambak jalan, namun laluan terbabit rosak semula mendorong saya untuk membantu," katanya.

Merinyu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Tanjong Karang, Md Noor Yusoff berkata, pihaknya akan mengkaji terlebih dahulu cadangan menambak jalan di beberapa kawasan berkenaan.

"Saya sedia maklum cadangan penduduk mahu menambak jalan bagi menahan air melimpah masuk ke kawasan tanaman penduduk, namun kita perlu mengkajinya lebih teliti.

"Setakat ini, JPS hanya memantau paras air di terusan utama," katanya.

Difahamkan polis berkawal di rumah penduduk yang dipindahkan disamping dibantu bomba, Rela, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).



Noh (dua,kiri) mendengar penjelasan daripada Mohd Shamsudin ketika melawat Ban RB.



Noh (tengah) melihat penduduk yang menerima rawatan kesihatan di penempatan sementara Balairaya Lorong 6 Kampung Sungai Sireh.